

28 JAN 2004

FORUM PERDANA BINCANG ERA KEPIMPINAN SELEPAS DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Kepimpinan selepas era bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan cabaran negara masa kini merupakan antara topik perbincangan pada Forum Perdana di Universiti Malaya di sini pada 9 Feb ini.

Forum Perdana bertajuk "Malaysia - Harapan dan Cabaran" itu juga akan membincangkan peranan, cabaran dan harapan belia serta kematangan dan jatidiri warga Malaysia.

Forum itu, anjuran bersama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan UM, akan bermula 8 malam di Dewan Tunku Canselor.

Timbalan Pengerusi IKSEP Datuk Mohd Jamil Mukmin memberitahu sidang media di sini hari ini bahawa Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan Malaysia Datuk Dr Hassan Ahmad akan mempengerusikan forum itu yang akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Ahli panel terdiri daripada Mohd ali sendiri, Naib Canselor UM Prof Datuk Dr Hashim Yaacob, Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Othman Desa dan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Ahmad Azam Abdul Rahman.

-- BERNAMA

RZY NBB KHY DC MAI